

15/06/2000

Usul tribunal siasat Eusoff tetap dikemuka

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Peguam Malaysia tetap akan mengemukakan usul berhubung penubuhan tribunal atau suruhanjaya siasatan diraja bagi menyiasat dakwaan mengenai perilaku Ketua Hakim Negara, Tun Eusoff Chin.

Presidennya, Sulaiman Abdullah, berkata sudah menjadi tanggungjawab badan itu untuk mengemukakan jalan penyelesaian terhadap isu besar yang boleh menjejaskan kepercayaan rakyat dan pihak asing kepada sistem kehakiman negara.

"Kami bertindak atas kepentingan sistem kehakiman negara dan keadilan, bukan kerana agenda tertentu atau politik," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam yang membidas cadangan majlis itu agar kerajaan menubuhkan tribunal berkenaan bagi menyiasat dakwaan berhubung percutian Eusoff bersama seorang peguam di New Zealand pada 1994.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjawab soalan pemberita sekembalinya dari Jepun semalam, berkata beliau berpendapat ada agenda politik di sebalik cadangan itu yang disifatkan sebagai percubaan melucutkan jawatan Ketua Hakim Negara.

"Saya tak nampak apa keperluan (tribunal). Saya fikir ada usaha politik di belakang, ada niat yang tidak baik untuk melaga-lagakan kerajaan dengan hakim supaya apabila hakim marah, mereka harap hakim akan membuat keputusan yang merugikan kerajaan.

"Undang-undang atau perlembagaan negara telah menetapkan prosedur tertentu yang membolehkan seseorang hakim itu ditamatkan perkhidmatan. Saya tak tahu proses tribunal yang dicadangkan ini mengikut atau tidak undang-undang atau perlembagaan negara," kata Perdana Menteri.

Majlis Peguam akan mengadakan mesyuarat agung luar biasa pada 23 Jun ini bagi membincangkan perkara itu dan mengemukakan usul penubuhan tribunal atau suruhanjaya siasatan diraja.

Sulaiman berkata beliau tidak menyalahkan Perdana Menteri kerana mengeluarkan kenyataan sedemikian kerana percaya Dr Mahathir belum menerima taklimat terkini sepenuhnya daripada menteri atau pegawai berkenaan berhubung cadangan itu.

Sulaiman menjelaskan usul Majlis Peguam hanya sekadar cadangan kepada kerajaan untuk menyelesaikan isu itu yang timbul berikutan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, kepada media Australia baru-baru ini.

Katanya, hakikat tindakan Rais menegur badan kehakiman serta mendapat sokongan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, yang mempunyai pengalaman dalam bidang undang-undang, menunjukkan kerajaan memandang berat masalah sistem kehakiman negara.

"Isu ini dibangkitkan sendiri oleh Menteri Kabinet akhir bulan lalu ... Majlis Peguam hanya bertindak minggu lalu meneliti isu itu yang sudah menjadi perhatian dan kebimbangan umum," katanya.

Sulaiman berkata, kerajaan perlu menangani isu itu dengan sewajarnya kerana semakin banyak pihak mula mempersoalkan kredibiliti badan kehakiman negara.

Katanya, ada bakal anak guaman yang menjadi hubungan peguam dengan hakim sebagai kriteria pemilihan peguam manakala syarikat pelabur asing meletakkan syarat supaya segala masalah perundangan diselesaikan di mahkamah di Singapura dan England.

"Ini satu tamparan hebat kepada kredibiliti badan kehakiman negara," katanya.

Di KUANTAN, Eusoff yang ditemui pemberita sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah (LTSAS), petang ini, bagaimanapun enggan mengulas kenyataan Perdana Menteri.

Beliau sekadar berkata, tidak ada komen dan tidak ada apa yang perlu diperkatakan.

Eusoff akan merasmikan Persidangan Hakim-Hakim Malaysia di Hotel Hyatt, Kuantan esok. Persidangan selama dua hari itu diadakan secara tertutup.

(END)